

24 nelayan Vietnam ditahan curi hasil laut

JOHOR BAHRU - Agensi Pengawal Kesan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Tanjung Sedili (ZMTS) menahan 24 nelayan asing termasuk dua teknologi dipercayai warga Vietnam di kedudukan kira-kira 19 batu nautika Tenggara perairan Pulau Aur kelmarin.

Pengarah ZMTS, Kepten APMM Mohd Zulfadli Nayan berkata, kesemua individu berusia 15 hingga 56 tahun itu ditahan ketika sedang mencuri sumber perikanan negara dengan melakukan aktiviti penangkapan ikan secara haram menggunakan dua bot kira-kira jam 12.30 tengah hari.

"Sebuah kapal peronda APMM yang didatangkan khas dari Johor Barat telah

mengesan dua bot asing dari Vietnam.

"Kapal peronda APMM telah menahan kedua-dua bot tersebut dan selepas pemeriksaan mendapat mereka telah melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Zulfadli berkata, semasa pemeriksaan, teknologi kedua-dua bot gagal mengemukakan sebarang lesen bot dan terdapat sebilangan kru gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Rampasan dianggarkan bernilai RM6.4 juta termasuk kedua-dua bot, peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan laut dan bahan bakar," katanya.



Dua bot yang ditahan APMM kerana mencuri sumber perikanan negara dengan melakukan aktiviti tangkapan ikan secara haram.